

27/10/1999

1 juta sudah daftar

Lukman Salleh

LEBIH sejuta rakyat Malaysia sudah mendaftar untuk menyertai acara raksasa Berjalan Untuk Negara bagi menunjukkan sokongan kepada penawaran Kuala Lumpur sebagai tuan rumah Sukan Asia 2006, 6 November ini.

Walaupun jumlah itu masih jauh daripada sasaran dua juta penyertaan, komitmen dan sokongan yang ditunjukkan rakyat Malaysia begitu tinggi dan jumlah itu dijangka meningkat menjelang acara itu diadakan serentak seluruh negara Sabtu depan.

Selain daripada komitmen rakyat Malaysia secara individu, syarikat korporat turut tampil secara aktif mengambil bahagian serta memberi tajaan dalam bentuk wang tunai dan barangan.

Dan sehingga kini jumlah penajaan yang terkumpul seluruh negara melebihi RM1 juta daripada lebih 30 syarikat swasta.

Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata bagi memeriahkan program ini, kementeriannya mengalu-alukan syarikat swasta bersama-sama mengambil bahagian dan memberi sokongan kepada program ini.

"Pihak jawatankuasa penganjuran bersetuju mengadakan cabutan bertuah di peringkat nasional di samping usaha dilakukan di peringkat negeri dan daerah.

"Sumbangan syarikat dalam program ini adalah bagi peserta yang mendaftar dan menyertai pada pagi acara ini dilangsungkan di seluruh negara dan semua peserta berpeluang memenangi hadiah yang disediakan.

"Sumbangan dalam pelbagai bentuk ini akan digunakan keseluruhannya bagi peserta yang mengambil bahagian di seluruh negara," kata Muhyiddin ketika berucap pada majlis menandatangani memorandum persefahaman dan penyerahan barangan tajaan penaja dengan 16 syarikat di Kuala Lumpur, semalam.

Mengenai jumlah penyertaan, Muhyiddin berkata pendaftaran peserta akan juga dibuka pada hari acara itu dilangsungkan bagi memberi peluang kepada rakyat yang berminat untuk turut serta.

"Berdasarkan rekod pendaftaran peserta seluruh negara sehingga kini sudah melebihi sejuta walaupun sasaran kementerian ialah dua juta.

"Pihak urusetia mengedarkan dua juta borang dan kad cabutan bertuah untuk orang ramai, sekolah-sekolah dan jabatan kerajaan. Saya percaya borang itu akan dipulangkan kepada urusetia sebelum tarikh yang ditetapkan," katanya.

Program Berjalan Untuk Negara pada 6 November ini akan diadakan serentak seluruh negara membabitkan 124 bandar yang sudah dikenalpasti membabitkan laluan tidak melebihi 4km.

Peringkat kebangsaan acara ini akan diadakan di Taman Tasik Titiwangsa yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga akan turut serta berjalan bersama dengan menteri kabinet duta asing terutama dari negara Asia.

(END)